



Sikap individu perlu diperbetul

Mukadimah

LEBIH 10 tahun lalu, kerajaan melancarkan kempen 'Cintai Sungai Kita'. Ketika itu, semua pihak terutama agensi-agensi kerajaan berkaitan sibuk mengindahkan tebing-tebing sungai dan memasang papan-papan tanda mengajak rakyat bersama-sama menjayakan kempen alam sekitar tersebut.

Hari ini selepas lebih 10 tahun berlalu, kita masih mendengar berlakunya pencemaran sungai. Lebih malang lagi keadaan sungai yang pernah kita 'cintai' sebelum ini menjadi semakin parah. Laporan menyebut sebanyak 17 sungai di negara ini dikenal pasti sebagai telah tercemar teruk.

Menyedari hakikat ini, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid secara terus terang mengatakan, kempen itu gagal. Dalam satu pertemuan dengannya kelmarin, beliau menegaskan, apa sahaja kempen tidak akan berjaya selagi rakyat tidak dididik dengan cara yang betul. "Sikap ini yang perlu kita ubah," katanya kepada wartawan **SITI MARIAM MD. ZAIN** dan jurugambar **ZAINI HUSIN** di Kuala Lumpur.

Untuk tujuan itu, kerajaan jelas beliau, akan memulakan satu program baru yang diharap dapat meningkatkan kesedaran semua pihak. "Kita perlu melihat tugas ini sebagai tanggungjawab bersama. Semua pihak baik kerajaan, swasta dan rakyat perlu menjayakan kempen baru yang akan kita lancarkan Jun ini," katanya merujuk Korea juga pernah mengalami masalah seperti Malaysia tetapi kini berada 20 tahun ke depan dalam soal alam sekitar.

Sementara itu, dalam pertemuan berasingan, Naib Presiden Akademi Sains Malaysia, Datuk Seri Dr. Salleh Mohd. Nor berpendapat, antara sebab mengapa kempen sebelum ini gagal kerana usaha tersebut tidak dilakukan secara konsisten. "Kita memulakan sesuatu kempen kemudian membiarkan ia mati. Apabila timbul masalah, baru semua orang sibuk memperkatakannya semula," ujarnya. Ditanya pendapatnya tentang kempen baru yang bakal dilancarkan tidak lama lagi, bekas Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) ini berkata, kempen seumpama itu penting tetapi ia perlulah disusuli dengan langkah-langkah seterusnya.

DATUK SERI AZMI KHALID

MINGGUAN: Mengapa kempen ini gagal?

AZMI: Kita tidak mempunyai perancangan khusus apa yang dimaksudkan dengan 'cinta.' Kebanyakan rakyat tidak tahu pun bahawa apa yang mereka lakukan hari-hari itu mencemarkan alam. Pada mereka, mereka buang sampah di kawasan rumah, padahal, lama-kelamaan dibawa air akhirnya masuk ke sungai. Orang yang duduk di tebing sungai juga menganggap membuang sampah ke dalam sungai sesuatu yang biasa. Apabila biasa, mereka tidak dapat membandingkan apa yang baik dan tidak baik. Ini telah melekat dalam kepala mereka. Tambahan pula kebersihan itu sendiri relatif, maksudnya berbeza bagi sesetengah orang. Kita tiada garis panduan atau penanda aras tentang makna kebersihan. Kita hanya sibuk menumpukan kepada slogan, meletak papan tanda tanpa kempen yang berterusan dan meliputi soal kesedaran sehingga ke peringkat akar umbi.

Apa penanda aras kebersihan kita, siapa sepatutnya menetapkan penanda aras ini?

AZMI: Kita hendak meletakkan penanda aras terlalu tinggi pun tidak tercapai nanti. Bagi saya cukup kalau kita mampu menyaingi kebersihan di Thailand. Saya percaya di pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), apabila mereka ingin memperkenalkan jenama-jenama seumpama ini, akhirnya hanya tinggal jenama. Di kalangan pegawai kerajaan istilah kebersihan juga berbeza. Mereka tiada penanda aras. Di Porto Malai, Langkawi, kawasan pelancongan, tetapi pelabuhannya penuh sampah. Saya tidak mahu mengatakan siapa patut bertanggungjawab. Bagi saya, kita semua bertanggungjawab. Kenapa sampah di tangan, perlu dibuang merata-rata? Maknanya jangan tuduh kerajaan, jangan kata JPS gagal melaksanakan tugas atau majlis bandaran tidak membuat kerja. Jika kita tahu menjaga alam sekitar, tidak membuang sampah merata-rata, itu sebenarnya adalah penanda aras paling mudah.

Persepsi rakyat ini tugas kerajaan?

AZMI: Itu pemikiran dahulu. Kerana pemikiran beginilah kita gagal. Ada orang kata, di negara Islam banyak orang Islam tetapi tiada Muslim. Perangai orang Muslim tiada di kalangan rakyat negara-negara Islam. Kalau di Jepun, perangai Muslim banyak tetapi mereka bukan Islam. Kita sering mengatakan kebersihan sebahagian daripada iman. Tetapi adakah kita membuktikannya? Malah ada orang yang menjaga masjid tidak tahu apakah itu kebersihan. Saya ingin mencadangkan kita membawa imam-imam masjid atau mereka yang mengendalikan masjid ke hotel, tidak kiralah tiga atau empat bintang. Tunjukkan kepada mereka, inilah yang dikatakan bersih selain daripada cara-cara menjaga kebersihan.

Apa tindakan terhadap industri haram?

AZMI: Kementerian tidak boleh mengambil tindakan kerana ia di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan majlis bandaran. Tetapi kalau mereka mencemarkan alam sekitar, tindakan boleh diambil. Sebab itu kita mahu memberi kuasa kepada semua wakil rakyat. Mereka mesti tahu di mana sungai yang berlaku pencemaran. Aktifkan peranan JKKK dan Rukun Tetangga. Apabila mendapat maklumat pencemaran, maklumkan kepada wakil rakyat terbabit. Kita gandingkan mereka dengan pegawai kita. Kalau pegawai-pegawai di kawasan berkaitan tidak mengambil tindakan dalam tempoh 24 jam, buat aduan kepada saya. Kita telah memindahkan pegawai-pegawai dari tempat yang kurang memerlukan kepada tempat memerlukannya atau 'kawasan-kawasan hitam' seperti di Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka, Pulau Pinang dan Johor.

Kempen ini dikatakan akan lebih berjaya jika kerajaan memberi peruntukan kepada badan bukan kerajaan (NGO) untuk melaksanakannya?

AZMI: Saya tidak setuju. Sebab apa orang lain buat, orang lain kena membersihkannya? Sekarang kita hendak menjurus yang kita kena bersihkannya sendiri. Kita perlu tahu di mana kita membuang sampah. Ajaran dan nilai-nilai ini yang hendak dibentuk.

Tetapi kerajaan gagal walaupun telah membelanjakan kos yang cukup tinggi?

AZMI: Itu sistem lama. Kita bersihkan macam mana pun masih banyak sampah datang. Sekarang kita hendak mendidik rakyat bertanggungjawab pada diri sendiri. Saya hendak menuduh sistem yang lama tidak berkesan tidak guna juga kerana ia telah berlaku. Kalau mahu menganalisis satu per satu, kita senjaja mencari sebab. Yang penting sekarang, lihat apa yang tidak kena dan cuba memperbaikinya. Contohnya anak-anak tidak diasuh daripada kecil, ibu bapa tiada kesedaran, pihak sekolah juga kurang menekankan

faktor ini. Jadi perangai setiap individu itu yang kita harus perbetulkan.

Bagaimana bentuk kempen baru ini?

AZMI: Kita hendak mendidik rakyat supaya mereka tahu menjaga alam sekitar adalah tanggungjawab bersama. Saya tidak akan mendedahkan sekarang. Apa yang boleh dikatakan ialah, kempen kita bukan setakat kempen, tetapi program berterusan sepanjang tahun. Selain mengiklan di televisyen, radio dan sebagainya, akan ada gerakan di bawah terutama di sekolah-sekolah. Kita mahu menunjukan penanda aras apa yang bersih dan tidak.

Berapa perbelanjaan yang diperuntukkan?

AZMI: Jumlah yang kita nyatakan sebelum ini RM10 juta selama setahun. Memang bajetnya kecil tetapi saya cuba untuk tidak lagi membuat kempen sehari, panggil orang datang beramai-ramai, minum teh dan esoknya lupa.

Datuk Seri yakin kempen baru akan berjaya?

AZMI: Saya tidak berani mengatakan berjaya atau sebaliknya tetapi kempen kita ini akan menjurus ke arah memberi tanggungjawab. Selepas itu, kita akan lihat di mana kelemahan. Lebih baik kita buat sesuatu daripada tidak buat apa-apa langsung.

Bagaimana mahu memastikan kejayaannya?

AZMI: Kita akui undang-undang sahaja tidak akan berkesan. Kesedaran begini mengambil masa. Kita perlu mendidik sejak di tadika, sekolah lagi. Ajaran untuk menjaga kebersihan kena bermula dari rumah. Kalau ibu bapa tidak endah, anak-anak juga akan membesar dengan sikap sama. Bagi saya, untuk mengajar rakyat kita mengamalkan kebersihan mengikut standard negara Jepun, memakan tempoh satu generasi. Saya telah berbincang dengan Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin (Tun Hussein) dan beliau mengatakan di sekolah-sekolah ada kurikulum seperti Persatuan Alam Sekitar. Tetapi pengisiannya berbeza. Mengapa? Sebab guru-guru sendiri tidak didedahkan tentang apakah yang boleh diajar kepada para pelajar mereka.

Masalah berterusan kerana kita hanya membersihkan sungai, tidak melihat punca-puncunya.

AZMI: Banyak punca menyebabkan pencemaran sungai. Salah satunya ialah air kumbahan dan meliputi 91 peratus punca pencemaran. Ini tanggungjawab kerajaan. Maksudnya apabila kita membina bangunan dan rumah, air daripada tandas masuk ke dalam satu tangki untuk dirawat. Kerajaan melantik

Perangai orang Muslim tiada di kalangan rakyat negara-negara Islam. Kalau di Jepun, perangai Muslim banyak tetapi mereka bukan Islam. Kita sering mengatakan kebersihan sebahagian daripada iman. Tetapi adakah kita membuktikannya?

— Azmi Khalid

IWK mengendalikan ini. Tetapi kajian Jabatan Alam Sekitar (JAS) mendapati tahap kebersihan air berperingkat-peringkat. Ada yang paling tercemar, tercemar biasa, ada yang boleh dibuat mandi dan ada yang tidak boleh disentuh. Bermakna tahap rawatan IWK belum sampai standard sepatutnya. Satu lagi sumber pencemaran ialah kilang-kilang atau industri terutama tapak-tapak penternakan. Sampah sarap di pusat-pusat pelupusan juga menyumbang. Sampah mengandungi 70 peratus air dan air tercemar yang dikeluarkannya akan memasuki saliran bawah tanah, sungai dan sebagainya. Sekarang, terdapat 160 pusat pelupusan sampah terbuka dan bagi mengatasi masalah ini kerajaan menggalakkan semua negeri mewujudkan sistem tapak pelupusan secara sanitari, supaya air tercemar tidak menembusi aliran bawah tanah. Ia sedang dilaksanakan di beberapa tempat, misalnya di Bukit Tagar, Puchong. Ini pun belum sampai ke tahap efisien. Kerajaan memberi konsesi kepada tiga syarikat membabitkan kawasan tengah, selatan dan utara negara bagi tujuan pengendalian. Namun hampir 10 tahun, syarikat-syarikat ini hanya diberikan perjanjian interim menyebabkan mereka tidak mampu mengeluarkan modal besar bagi membeli lori canggih dan sebagainya. Maka, kerajaan memutuskan membuat perjanjian jangka panjang. Jika kita lihat, kempen kitar semula juga kurang berjaya. Selepas ini, kita akan memastikan syarikat-syarikat terbabit bertanggungjawab dengan produk yang mereka sendiri keluarkan.

Maksudnya?

AZMI: Kita mahu mewujudkan sistem di mana syarikat pengeluar produk bertanggungjawab daripada "buaiian sehingga ke kubur." Mereka yang mengeluarkan bahan-bahan tertentu dalam masa sama, mesti mencari jalan melakukan kitar semula. Di Jepun cara ini efisien. Di Taiwan saya dimaklumkan, 80 peratus daripada kereta dikitar semula.

Apa langkah kerajaan untuk memastikan pengeluaran melaksanakan tanggungjawab ini?

AZMI: Banyak negara Barat telah buat. Jepun dan Korea juga telah melaksanakannya. Malah Singapura

juga telah berjaya sebahagiannya. Kita kena ikut, jika tidak, kita tidak boleh mengatakan kita maju sedangkan perkara asas tidak selesai.

Bila sistem ini akan dilaksanakan?

AZMI: Ini memerlukan masa. Kalau tanya saya, esok saya mahu melaksanakannya. Saya telah berbincang dengan sebahagian syarikat pengeluaran dan juga melawat Jepun. Saya yakin langkah ini boleh dilaksanakan cuma kita perlu penyertaan dan menyediakan kaedah logistik yang berkesan. Ada juga syarikat yang memberi cadangan. Apa yang mereka buat, ada barang-barang yang rosak, tetapi masih ada bahan atau alat yang boleh diguna semula, mereka kitar semula untuk industri lain. Akhirnya yang dilupus hanya 20 peratus daripada barangan yang rosak.

Bentuk mekanisme yang akan digunakan?

AZMI: Pertama undang-undang, keduanya, penyertaan antara kerajaan, swasta dan rakyat. Selain itu, agensi-agensi yang ditugaskan, bermaksud penguatkuasaan. Semua ini perlu diselaraskan.

Akan ada satu undang-undang baru?

AZMI: Perkara ini melibatkan Kementerian lain, kita perlu ada perbincangan. Kalau hendak didenda, apakah denda yang setimpal? Di Jepun, kilang kitar semula mereka perlu membuat perjanjian ketat dengan syarikat pengeluar produk. Walaupun syarikat pengeluar melanggar undang-undang, kilang kitar semula juga bertanggungjawab menerima kesan. Maknanya kalau satu pihak melakukan kesalahan, pihak satu lagi juga dikenakan tindakan. Wujud rangkaian di sini. Jadi masing-masing perlu ada sistem audit untuk tidak dikenakan tindakan.

Hanya membabitkan syarikat besar?

AZMI: Kita bermula dengan syarikat-syarikat besar yang ada sistem mereka sendiri khususnya dari Barat, Jepun dan sebagainya. Dengan sistem sedia ada, lebih mudah mereka memperkenalkannya di negara kita. Apabila ada sistem tertentu, syarikat-syarikat yang kecil akan diwajibkan.

Mentaliti tidak

PANDANGAN Datuk Seri, mengapa kempen ini gagal?

DR. SALLEH: Satu sebabnya kerana kita tidak konsisten atau tidak melakukan sesuatu secara berterusan. Kita memulakan sesuatu kempen kemudian membiarkan ia mati. Apabila timbul masalah, baru semua orang sibuk memperkatakannya semula. Seingat saya, kempen seperti ini dimulakan sejak tahun 1960-an. Kalau kita perasan, dulu ada gambar budak-budak bermain di sungai yang bersih tetapi sekarang jika kita hendak mencari sungai seperti itu, saya tidak fikir ada kerana semua sungai kita tercemar.

Saya pernah melihat ada orang yang membuang sampah daripada kereta mewah sewenang-wenangnya. Saya percaya mereka berpendidikan tinggi

— Dr. Salleh Mohd. Nor

Pendapat tentang kempen ini?

DR. SALLEH: Pada prinsipnya kempen sedemikian baik. Cuma pada hemat saya ia mesti ada perancangan untuk membawa kesedaran di peringkat bawah lagi. Jangan berkempen sahaja tetapi orang bawah (masyarakat) tidak dapat melihat kesannya. Satu usaha yang pernah saya galakkan sebelum ini ialah supaya rumah-rumah yang dibina di tepi sungai perlu menghadap sungai, bukannya dapur. Ini supaya apabila kita membuka pintu depan, kita akan nampak sungai. Sekarang rumah dibina menghadap jalan. Kita tidak dapat menikmati keindahan sungai. Dalam masa yang sama menjadikan sungai (dapur) kawasan pembuangan sampah.

Antara sebab gagal kerana kita dikatakan sibuk mencantikkan tebingnya sahaja. Komen Datuk Seri?

DR. SALLEH: Itu yang saya kata, kita membina sesuatu bukan menghadap sungai tetapi membelakangkan sungai. Sebab itu, kita hanya menghiasi kawasan tebing dan tidak mempedulikan keadaan dalam sungai disebabkan ia terletak di belakang. Mengapa timbul isu agensi-agensi kerajaan dan pihak-pihak tertentu hanya sibuk mencantikkan tebing? Pertamanya kerana dalam sungai itu berlumpur, keduanya, basah dan ketiganya, susah. Jika kita mahu mengangkat sampah di dalam sungai, memerlukan mesin atau jentera berat. Oleh itu, mereka membiarkan sahaja. Pendapat mereka, apabila hujan, sampah tersebut akan dibawa arus. Sedangkan mereka sepatutnya tahu sikap sebegitu menyebabkan kawasan lain pula yang akan bermasalah.

Tindakan tidak konsisten. Siapa sepatutnya bertanggungjawab memastikan ini tidak berlaku?

DR. SALLEH: Ini bukan tugas dan tanggungjawab kerajaan sahaja. Sebaliknya ia satu bidang yang mana badan bukan kerajaan (NGO) juga boleh memainkan peranan. Tetapi NGO-NGO ini tidak mempunyai punca atau sumber kewangan yang kukuh.

seimbang kemajuan ekonomi

Cadangan mengatasi masalah ini?

DR. SALLEH: Saya mencadangkan supaya kerajaan memberi peruntukan kepada NGO untuk turut melaksanakan kempen ini. NGO boleh menyediakan sukarelawan. Sebagai bekas Presiden Persatuan Pencinta Alam (MNS), saya tahu mereka boleh mengumpul ramai sukarelawan untuk melaksanakan misi ini.

Berapa kos yang difikirkan perlu?

DR. SALLEH: Peruntukan ini tidak sebesar mana jika dibandingkan kerajaan yang melaksanakannya. Malah jika diserahkan tugas menjayakan kempen ini kepada mana-mana kontraktor, peruntukan yang diperlukan lagi tinggi, keberkesanannya belum terjamin. Contohnya menteri sendiri mengatakan IWK sebagai penyumbang terbesar kepada pencemaran sungai. Sedangkan mereka dibayar untuk memastikan sungai-sungai tidak tercemar. Yang penting sekarang, kita mencari penyelesaian dengan lebih efektif.

Statistik pada awal 2000 menunjukkan kerajaan membelanjakan lebih RM162 juta untuk membersihkan Sungai Klang dan RM22 juta lagi untuk membuang kelodak. Tetapi Sungai Klang masih menerima 100 tan sampah sarap sehari, bersamaan dengan 10 lori sampah. Pada hari hujan, angka ini meningkat kepada 300 tan. Walaupun ini angka lama, tetapi saya percaya keadaan yang sama masih terus berlaku sekarang.

Di mana tahap kesedaran masyarakat terhadap penjagaan alam sekitar?

DR. SALLEH: Secara amnya, masih belum sampai ke tahap memuaskan. Namun begitu, di peringkat anak-anak sekolah kesedaran ini semakin meningkat oleh kerana mereka mempunyai mata pelajaran alam sekitar. Di kalangan orang awam, walaupun sedar, mereka tidak menghayati isu itu. Mereka tidak menjadikan ia sehingga ke tahap komited terhadap menjaga alam sekitar, menjaga pencemaran sungai dan sebagainya. Saya pernah melihat ada orang yang membuang sampah daripada kereta mewah sewenang-wenangnya. Saya percaya mereka berpendidikan tinggi tetapi mentaliti mereka tidak seimbang dengan kemajuan ekonomi.

Tahap kesedaran yang rendah ini salah siapa?

DR. SALLEH: Saya salahkan ibu bapa. Dalam kesibukan

untuk menaikkan taraf hidup, kerja harian dan sebagainya menyebabkan kita menjadikan alam sekitar isu tidak penting. Anggapan masyarakat, ini tanggungjawab kerajaan. Kita tidak sedar pada asasnya tugas kita sebagai rakyat yang bertanggungjawab. Namun, kerajaan perlu memainkan peranan dengan mengadakan program kesedaran ini.

Bolehkah cara ini berjaya kerana semangat sukarelawan rakyat negara ini amat rendah?

DR. SALLEH: Benar, di negara kita, soal sukarelawan ini telah merosot. Pada suatu ketika semasa saya mula-mula menjadi Presiden MNS, jika kita mengajak untuk menjayakan program-program tertentu, ramai orang akan turut bersama. Tetapi sekarang kita kena beri makan tengah hari, imbuhan supaya mereka datang. Sesuatu perlu dilakukan. Mungkin Kementerian Pelajaran boleh memupuk dan menggalakkan sikap sukarelawan ini di kalangan anak-anak sekolah. Maaf jika saya mengatakan bahawa semangat ini sebenarnya amat kurang di kalangan orang Melayu. Padahal di sinilah bermulanya usaha menghasilkan pemimpin masa depan.

Sebagai pembayar cukai, apa perasaan Datuk Seri apabila mendapati kempen ini akhirnya gagal.

DR. SALLEH: Saya kecewa. Sepatutnya kerajaan perlu memastikan setiap rancangan mereka berjaya. Malangnya ada juga masyarakat kita yang mengangap program-program kerajaan adalah menggunakan duit kerajaan. Maka mereka tidak mempedulikan sangat apa yang kerajaan buat. Mereka lupa, duit kerajaan adalah duit rakyat, duit kita.

Apa yang perlu dilakukan sekarang?

DR. SALLEH: Kita perlu menerapkan kesedaran menerusi pendidikan dan dalam masa sama disokong oleh undang-undang dan penguatkuasaan yang berkesan. Jika tiada penguatkuasaan, apa yang dilakukan akan sukar.

Pengajaran daripada kemelut yang berlaku?

DR. SALLEH: Mahatma Gandhi pernah berkata, kita tidak mewarisi alam semula jadi ini daripada datuk nenek kita tetapi kita meminjamnya daripada anak cucu kita. Apa yang diperkatakan oleh beliau ini perlu kita renungi bersama.



DR. SALLEH MOHD. NOR